

KECELARUAN PERSONALITI HISTRIONIK
Gooh Mo Lee and Khairunnisa Binti Md. Norkiflee
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
SHBIE, Universiti Brunei Darussalam

Pengenalan

Berdasarkan daripada karya Millon dan Davis (1996) yang bertajuk *Disorder of Personality: DSM-IV and Beyond*, perkataan personality berasal daripada perkataan Greek yang bermaksud ‘*Persona*’. Tambahan, personaliti merupakan perwatakan psikologi yang kompleks. Ianya sesuatu yang tidak disedari dan sukar untuk diubah.

Manakala menurut Azizi Yahaya dan Tan Soo Yin (2007), personality merupakan set tingkah laku yang jelas. Personality juga merupakan gaya perangai yang membentuk keperibadian seseorang.

Kecelaruan atau gangguan persoanaliti ialah gangguan yang berkaitan dengan car pemikiran dan perasaan tentang diri sendiri yang menjelaskan bagaimana fungsi individu dalam pelbagai aspek kehidupan (Persatuan Psikiatrik Amerika, 2013).

Kecelaruan personaliti juga menjurus kepada aspek pemikiran, kelakuan, kebiasaan, perasaan dan emosi sama adda di dalam keadaan stabil atau tidak (Azizi Yahaya dan Jamaludin Ramli, 2007).

Individu yang yang bergelut dengan kecelaruan personaliti adalah yang tergolong dalam kelompok orang yang mempunyai kesukaran untuk bergaul dengan orang lain. Perwatakan individu yang mempunyai kecelaruan personaliti dianggap kaku dan tidak dapat membuat penyesuaian terhadapa perubahan dan kehendak dalam kehidupan (Azizi Yahaya dan Tan Soo Yin, 2007).

Kategori bagi kecelaruan personaliti menurut *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders IV* (DSM-IV) yang diterbitkan oleh Persatuan Psikologi Amerika pada tahun 1994 terbahagi kepada tiga kelompok. Pertama, kelompok A iaitu kecelaruan personaliti paranoid, kecelaruan personaliti schizoid dan kecelaruan personaliti schizotaipal.

Mankala kelompok B adalah kecelaruan personaliti antisocial, kecelaruan personaliti pinggiran (Boarderline), kecelaruan personaliti histrionic dan kecelaruan personaliti narsisistik. Kelompok yang ketiga iaitu kelompok C pula adalah kecelaruan personaliti mengelak (Avoidant), kecelaruan personaliti bergantung (Dependent) dan kecelaruan personaliti kompulsif (Obsessive-compulsive).

Walau bagaimanpaun, kertas kerja ini cuma akan menerangkan mengenai kecelaruan personaliti histrionic dan kecelaruan personaliti narsisistik.

Histrionik

Kecelaruan personaliti histrionik ialah satu bentuk kecelaruan yang berkaitan dengan tingkah laku yang tidak matang seperti terlalu beremosi, sering menginginkan perhatian, mengada-ada dan kadangkala bersifat keanak-anakan (Azizi Yahaya dan Jamaludin Ramli, 2007).

Individu yang mempunyai kecelaruan personaliti histrionic merupakan individu yang suka memperbesarkan hal yang remeh, berifat manipulative, memaparkan emosi yang melampau dan suka bergantung dengan orang lain (Azizi Yahaya dan Tan Soo Yin, 2007).

Menurut Friedland (1991), perkataan histrionik menggambarkan reaksi yang melampau dan kepalsuan. Tambah beliau, individu yang mempunyai kecelaruan personaliti histrionik akan selalu menunjukkan tanda-tanda emosi yang berlebihan. Walaupun golongan ini seringkali dapat menjalinkan hubungan dengan mudah (kawan), namun hubungan itu hanya bertahan sementara.

Beliau juga berkata bahawa golongan ini akan bersifat manipulatif setelah hubungan semakin intim. Golongan ini juga akan menunjukkan sikap kepura-puraan dan tidak ikhlas. Golongan histrionik cuma berminat untuk mendapatkan pengesahan daripada orang lain (yang menjalinkan hubungan dengan golongan histrionik) dan golongan ini teramat sibuk untuk menarik perhatian orang lain. Oleh itulah golongan ini tidak menyedari akan situasi diri mereka yang sebenarnya.

Millon dan Davis (1996), golongan histrionik merupakan golongan yang gemar mencari penghargaan di dalam kehidupan, penerimaan dan perlindungan secara kerap. Tambahnya lagi, disebalik sifat yang mudah bergaul itu terselit kemauhan untuk mencari perhatian dan kasih sayang. Golongan ini mudah mengesan tingkah laku dan perasaan orang tempat mereka bergantung. Oleh itu apabila golongan ini menjangkakan bahawa tiada lagi minat terhadap diri mereka atau diancam untuk mengabaikan diri mereka(daripada orang yang dijalinkan hubungan) maka golongan ini akan merasa lemah.

Golongan histrionik juga merupakan golongan yang mempunyai kelemahan dari segi kesetiaan atau ketaatan kepada pasangan mereka. Oleh itu golongan histrionik tidak merasa puas jika hanya mempunyai seorang pasangan yang intim, malahan golongan ini lebih suka mempunyai ramai pasangan.

Kombinasi ketidakpuasan mempunyai kurang daripada satu pasangan, keperluan stimulasi dan perhatian yang kerap mengakibatkan terbentuknya hubungan personal yang penuh godaan, dramatik dan tidak kekal.

Ciri-ciri

Personaliti-personaliti histrionik yang kerap ditunjukkan dan diketahui oleh masyarakat adalah sifat suka digemari, sentiasa berjaya, terkenal, ekstrovert, menarik dan mudah bergaul. Disebalik lapisan ini, wujudnya keperluan pengiktirafan dan menarik perhatian yang melampau. Menurut Millon dan Davis (1996), terdapat lapan ciri-ciri klinikal bagi keceluaran personaliti histrionik iaitu dari segi tingkah laku, pergaulan, daya kognitif, penampilan diri, mekanisme kawalan, representasi objek, ‘mood’ dan struktur kehidupan.

Tingkah laku

Golongan histrionik merupakan golongan yang dramatik (riang dan penuh aksi yang merangsangkan). Golongan ini juga suka bertindak mengikut perasaan, bersifat tidak kekal dan sangat emosional. Ini kerana golongan histrionik adalah golongan yang tidak mempunyai toleransi bagi menghadapi penolakan dan penangguhan pujian mahupun perhatian.

Pergaulan

Individu yang mempunyai personaliti histrionik, mempunyai peringkat keinginan untuk mendapat pujian teramatlah tinggi. Mereka suka memperagakan keindahan diri mereka dan selalu menunjukkan godaan seksual. Ini adalah misi utama golongan histrionik adalah untuk mencari perhatian dan kasih sayang. Golongan ini akan sedaya upaya mencari pelbagai jalan untuk mendapatkan balasan (responses) yang diingini.

Sebagai contoh, apabila hendak mencari pasangan yang mereka ingini, kedua-dua lelaki atau perempuan yang histrionik akan menunjukkan sifat menyenangkan dan matang. Sebenarnya mereka adalah golongan yang bersifat tidak matang dan bukan golongan yang menyenangkan (Aziziet.al,2010).

Golongan juga akan mudah untuk melepaskan diri daripada hubungan yang sangat intim dan apabila adanya keperluan untuk menjadikan hubungan itu bertahan lama. Bagi mengatasi masalah keintiman tersebut, golongan histrionik akan menjadi seorang yang manipulatif. Golongan ini sangat sensitif sehingga mereka dapat mengesan tanda-tanda awal permusuhan dan penolakan. Oleh itu golongan ini dapat menyesuaikan tingkah laku untuk mengurangkan perbezaan dengan pasangan dan penolakan. Golongan ini akan mempelbagaikan reaksi dengan kehendak pasangan

Oleh yang demikian, golongan histrionik bukan saja focus kepada menarik perhatian dan meminta pujian pasangan malah juga berkeinginan untuk menjauhi penolakan. Walaupun golongan ini mahir di dalam memberikan kesenangan kepada pasangan, mereka tetap gagal untuk memberikan kasih sayang yang sebenar dan ikhlas.

Daya kognitif

Histrionik cenderung untuk mengenepikan perihal mengenali fikiran dan perasaan mereka. Golongan ini juga tidak peka akan keadaan diri mereka berdasarkan pengalaman yang lampau. Ini menunjukkan bahawa terdapat corak pembelajaran yang cetek. Daya kognitif yang sedemikian memudahkan golongan histrionik untuk berkomunikasi dengan mengikut perasaan semata-mata (berdasarkan stimuli luaran) dan berpotensi untuk memberikan penilaian yang tidak masuk akal (thoughtless judgement).

Mereka akan menunjukkan kepekaan akan pemikiran dan emosi pasangan. Oleh itu, jika terdapatnya tanda-tanda penolakan, golongan ini akan cuba untuk mlarikan diri dari menghadapi masalah dengan memperkatakan sesuatu dan memberikan penilaian berdasarkan perasaan.

Golongan ini mudah terpengaruhi dengan cara pemikiran yang tidak logik (kurang penanalisaan). Mereka mudah untuk menidakkannya kehendak sebenar. Oleh yang demikian, golongan ini akan sedaya upaya untuk memisahkan diri mereka daripada pemikiran yang logik, individu dan aktiviti yang bakal mengganggu strategi mereka yang penuh kepalsuan itu.

Penampilan diri

Golongan histrionik menggambarkan diri mereka sebagai seseorang yang sosial, mudah disenangi masyarakat dan baik. Mereka juga berkeyakinan bahawa mereka merupakan individu yang penuh berahi, sangat cantik, digemari ramai dan selalu berjaya di dalam mencipta gaya hidup yang menarik serta menyeronokkan.

Golongan ini juga gemar untuk menarik perhatian dengan penampilan fizikal dan cara hidup mereka yang sibuk serta penuh dengan keseronokan. Walau bagaimanapun, golongan ini gagal untuk menyedarkan akan hasrat mereka untuk disukai dan menarik perhatian secara melampau. Tanda-tanda ketidakpuasan sebenar, kelemahan, murung (depression) semuanya diketepikan untuk tidak menjadi sebahagian daripada diri mereka.

Representasi objek: Cetek

Histrionik selalunya gagal untuk mencipta kepelbagaiannya jenis perasaan dan selalu menghadapi kesukaran untuk membina hubungan yang penuh makna, stabil dan berkekalan. Ini menyebabkan mereka lebih gemar untuk tidak mempunyai hubungan yang berkekalan. Hal sedemikian, histrionik mempunyai perasaan yang cetek, tidak bertahan lama dan penuh kepura-puraan. Malah golongan ini juga akan lebih pantas meninggalkan apa yang telah dimiliki sebelum perkara sebenar terbongkar.

Mekanisme kawalan

Golongan histrionik gemar untuk mengelakkan diri dan tanggungjawab(Azizi et.al,2009). Kebiasaan histrionik untuk mengenali pandangan dan perasaan masyarakat telah menghalang golongan ini untuk belajar berfikir secara matang dan menyelami perasaan sebenar. Ini mengakibatkan berlakunya penghalangan dan pengasingan keseluruhan memori dan perasaan yang boleh membawa kepada keresahan. Kesannya, pengalaman masa lalu telah terpadam, walhal keperibadian dan emosi yang kompleks sepatutnya diperolehi mereka melalui pengalaman turut diketepikan.

Organisasi atau struktur kehidupan: Terputus

Struktur atau organisasi kehidupan golongan histrionik adalah di dalam keadaan tidak menentu. Ini adalah akibat golongan ini tidak mampu untuk belajar daripada pengalaman

lepas dan tidak mempunyai keyakinan diri. Mereka tidak dapat berdiri dengan diri sendiri dan suka bergantung kepada orang lain untuk mendapatkan pujian dan perhatian.

Tabiat atau ‘mood’

Tabiat dan ‘mood’ golongan histriyonik kerap berubah-ubah. Ianya disebabkan secara zahirnya golongan ini

Rujukan:

- Azizi Yahaya & Jamaludin Ramli. (2007). *Psikologi Abnormal*. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya & Tan Soo Yin. (2007). *Kesihatan Mental*. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya,, Jamaludin Ramli,, Noordin Yahaya & Goh Siao Yen (2010) Self- Esteem, Coping Difficulties, Self-Efficacy, and Illness Symptoms as a Prediction of Supported Education for Students With Psychiatric Disabilities, Procedia Bahavioral Science, Elsevier Publication, International Conference on Learner Diversity 2010(C) (2010) 642–651
- Azizi Yahaya ,Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Goh Siao Yen Noordin Yahaya, (2009) The Need For Supported Education Among Higher Education Students With Psychiatric Disabilities European Journal of Social Science ISSN: 1450-2267ISS
- Friedland.B. (1991). *Personality Disorders*. Philadelphia, N.Y: Chelsea House Publishers.
- Millom.T & Davis. R.D. (1996). *Disorders of Personality: DSM-IV and Beyond*. United States of America: A Wiley-Interscience Publication.
- American Psichiatric Association. (2013). Personality Disorders. Dipetik dari:www.psychiatry.org pada 1hb November 2013.